

## **LAPORAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI PESONA PANTAI MALAYSIA**

### **TAHUN 2007**

Pada 28 September 2007 Bahagian Sungai Dan Pantai (Seksyen Pantai), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Fotografi Pesona Pantai Malaysia sempena menyambut ulang tahun yang ke75 Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Tarikh tutup penyertaan pertandingan adalah pada 9 November 2007, Jumaat, jam 3 petang. Penyertaan untuk pertandingan tersebut adalah sangat menggalakkan di mana lebih kurang 300 orang peserta telah mengambil bahagian dan mengemukakan lebih daripada seribu keeping foto. Lebih kurang 80% peserta menyertai pertandingan ini secara online. Pertandingan ini diadili oleh 3 orang juri profesional dan salah seorang daripadanya terdiri daripada Pengurusan Tertinggi JPS.

Hadiyah-hadiyah yang telah ditawarkan berupa wang tunai berjumlah RM3,000 bagi pemenang tempat pertama, RM2,000 bagi pemenang tempat kedua dan RM1,000 bagi pemenang tempat ketiga. Lima pemenang sugu hati pula menerima RM200 setiap seorang. Selain itu juga pihak JPS telah memilih sebanyak 30 pemenang cenderahati. Senarai penuh semua peserta adalah seperti Lampiran A1. Keputusan tersebut pernah dipamerkan di laman web JPS Malaysia di alamat [www.water.gov.my](http://www.water.gov.my) pada bulan Disember 2007. Sehubungan dengan itu, pihak JPS telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah pada 9 Disember 2007 pada pukul 10.30 pagi di Pantai Batu Ferringi, Pulau Pinang (berdekatan Bayview Beach Resort) bersempena Majlis Pelancaran Projek Pemulihan Pantai Batu Ferringi dan semua hadiah telah disampaikan oleh Bekas YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Beberapa keping foto untuk Majlis Penyampaian Hadiah dipamerkan di bawah ini. Keratan Berita Harian pada 10/12/07 yang ditunjukkan di bawah ini juga telah melaporkan tentang majlis penyampaian hadiah tersebut.

Jawatankuasa Pengelola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Kepada peserta-peserta yang telah menang dalam pertandingan ini, pihak Jawatankuasa Pengelola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah.

Jawatankuasa Pengelola juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan segala bantuan dan kerjasama untuk menjayakan pertandingan ini, antaranya semua ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Sungai dan Pantai (Seksyen Pantai), Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pembangunan Korporat, panel hakim serta Pihak Pengurusan Atasan JPS Malaysia.



Majlis Penyampaian Hadiah pada 9 Disember 2007 pada pukul 10.30 pagi di Pantai Batu Ferringhi, Pulau Pinang oleh Bekas YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

# RM21 billion perbaiki sistem saliran

10/12

**G**EORGETOWN: Sebanyak RM21 billion diperlukan untuk melaksanakan pelbagai projek pengurusan banjir termasuk memperbaiki sistem saliran, kata Ketua Pengarah Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Datuk Ir Keizrul Abdullah.

Keizrul berkata, peruntukan yang besar diperlukan untuk melaksanakan Rancangan Tebakan Banjir (RTB) di seluruh negara termasuk mendalam dan meluruskan sungai, bagi mengelak masalah banjir seperti yang melanda pantai timur dan selatan.

Bagaimanapun, beliau tidak menetapkan tempoh pelaksanaan semua projek itu kerana ia bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan.

Contohnya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan meluluskan peruntukan kira-kira RM4 billion bagi melaksanakan lebih 300 projek di seluruh negara.

"Jika semua projek mahu dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir, sebanyak RM21 billion diperlukan. Bagaimanapun, disebabkan projek itu membabitkan kos yang besar, ia akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran Program Pemulihara Pantai Batu Ferringgi dan penyampaian hadiah pertandingan fotografi pesona pantai Malaysia di Batu Ferringgi dekat sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Alam Sekitar negeri, Teng Chang Yeow.

Pertandingan itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM3,000 bagi tempat pertama, RM2,000 (kedua) dan RM1,000 (ketiga), masing-masing dimenangi oleh Tan Ee Long, Teng Gin Wah dan Wong Yu Liang.

Mengulas lanjut, Keizrul yakin masalah banjir yang berlaku di seluruh negara dapat diatasi apabila semua projek pengurusan banjir yang dicadangkan oleh JPS dilaksanakan.

Beliau memberi contoh Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan (Smart) di Kuala Lumpur yang dibina dengan kos RM1.9 billion berjaya menyelamatkan ibu negara daripada banjir sebanyak dua kali selepas beroperasi sejak pertengahan tahun ini.

Keratan akhbar Berita Harian pada 10/12/07 mengenai Majlis Penyampaian Hadiah Untuk Pertandingan Fotografi Pesona Pantai Malaysia .

Urus setia, Pertandingan Fotografi Pesona Pantai Malaysia

JPS Malaysia.

Mei, 2008